



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR  
45000 KUALA SELANGOR**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Jurukur Tanah Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia** yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan bagi kerja-kerja seperti berikut :-

| BIL | BUTIR-BUTIR TAWARAN  | KELAS PENDAFTARAN  | TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN  | HARGA DOKUMEN | TARIKH TUTUP                  |
|-----|--|--|---|---------------|-------------------------------|
| 1.  | <p><b>KERJA-KERJA UKUR TAPAK BAGI KAWASAN BUKIT MALAWATI UNTUK PEWARTAAN TAMAN NEGARA MALAWATI, DAERAH KUALA SELANGOR</b></p> <p>No.Sebutharga : SH 163/2018</p> | <p>330203<br/>Perkhidmatan<br/>Perunding Fizikal<br/>(Bukan Kejuruteraan)<br/>Ukur Tanah</p> | <p>Mulai<br/>05.12.2018<br/>Hingga<br/>11.12.2018</p> <p>Jabatan<br/>Penilaian &amp;<br/>Pengurusan<br/>Harta, MDKS</p> | RM 50.00      | 12.12.2018<br>(jam 12 t/hari) |

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor** pada waktu pejabat bermula 05 Disember 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Lembaga Jurukur Tanah Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga serta salinan penyata bulanan bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

\* *Hanya pemegang lesen atau wakil yang diberi kuasa sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebut Harga.*

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dihantar di **Kaunter Jabatan Kejuruteraan di Tingkat 1, Majlis Daerah Kuala Selangor** sebelum atau pada **12 Disember 2018, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

( SITI NUR SHAFIQAH BT RAHMAD )

Juruukur Bahan  
b.p Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kuala Selangor

QS/Th/Akian shv/04122018

Tarikh : 4 Disember 2018